

02 DEC 1999

MAHATHIR-WTO

DR M: PERDAGANGAN ADIL BOLEH MUNCUL BILA NEGARA KAYA DENGAN NEGARA MISKIN

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini dunia boleh mempunyai regim perdagangan yang adil jika negara-negara yang kaya dan kuat memahami bahawa tuntutan-tuntutan pihak lain adalah juga sah.

Menjawab satu pertanyaan mengenai tunjuk perasaan di perundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Seattle, katanya, "Orang membantah WTO kerana kuasa-kuasa ekonomi yang kuat mahu meluaskan kuasa mereka untuk mengambil alih, secara literal, seluruh dunia dan beroperasi di bawah segelintir syarikat yang kuat. Sayar fikir ini tidak membantu."

Ulasan Dr Mahathir itu dibuat pada sesi dialog persidangan Aeroangkasa antarabangsa LIMA'99 yang dianjurkan oleh Asian Strategic and Leadership Institute (ASLI) di sini hari ini.

"Kita perlu adil kepada orang ramai. Kita jangan fikir apa yang sesebuah negara boleh buat, negara lain juga boleh buat. Anda boleh buat kerana anda kuat dan berkuasa tetapi negara-negara lebih kecil dan lemah tidak dibangunkan di atas konsep-konsep baru, mengenai kerajaan, keselamatan dan perkara-perkara seumpamanya. Mereka mempunyai pendapat lain dan kita terpaksa bertolak ansur dan biar mereka berkembang secara beransur-ansur," tegasnya.

Katanya malahan negara-negara Barat mengambil 200 tahun untuk mencapai tahap pembangunan mereka sekarang dan dengan itu jangan suruh orang lain berubah sekelip mata.

"Sekiranya WTO mahu berjaya, ia harus mengambil kira semua pandangan ekonomi-ekonomi lebih lemah dan tidak memikirkan perdagangan sesebuah negara kepada tanggapan mereka apa yang adil dan betul."

Dr Mahathir juga berkata membiarkan pedagang-pedagang matawang yang bermotivasi keuntungan menentukan nilai matawang-matawang akan meletakkan seluruh negara, ranau dan dunia ke dalam tangan segelintir orang.

Pemikiran bahawa kuasa-kuasa pasaran boleh mendisipinkan diri mereka adalah dongengan kerana regim pasaran sekarang bukanlah regim sama sekali, katanya.

"Ia semata-mata menyerah kepada segelintir orang yang menggelarkan diri mereka kuasa pasaran dan kerajaan-kerajaan yang bertanggung jawab tidak boleh menyerah kepada orang-orang seumpama itu," tambahnya.

bercakap mengenai perkongsian bijak, Dr Mahathir berkata ini akan berlaku di dalam satu keadaan apabila kedua-dua rakan kongsi boleh mendapat faedah.

Bagaimanapun, katanya terdapat sesetengah perkongsian bijak yang bersifat menindas di mana hanya satu pihak menikmati manfaatnya.

Sebagai contoh, katanya terdapat terlalu banyakk penekanan ke atas Hak Harta Intelek (IPR) dan ini patut dikaji.

Katnya apabila CD-ROMS disalin di sini, ia berharga hanya RM3 sekeping untuk mengeluarkannya dan bila dijual sebanyak RM4, sekeping memperolehi keuntungan kira-kira 25 peratus.

"Bagaimanapun, untuk membeli yang asli, sekeping berharga AS\$300. Kos bahan adalah kecil tetapi selebihnya adalah IP, dengan itu soalnya ialah brapa nilai IP?"

Dr Mahathir menyokong hakikat bahawa firma-firma farmaseutikal memperolehi keuntungan untuk meneruskan penyelidikan mereka bagi penawar-penawar lebih baik tetapi bagi seseorang seperti Bill Gates menjadi begitu kaya adalah satu tanda pasti bahawa beliau tidak menyertai

prkongsian bijak.

"Orang patut membuat wang tetapi tidaklah begitu banyak," katanya. --
BERNAMA

TM SHY OS